
[BIL. 12 DIS 2018](#)

Malam Antarabangsa kongsi budaya pelbagai

Oleh: MOHAMMAD HAKIMI KAMARUDIN, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Malam Antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) anjuran Pejabat Antarabangsa dan Kelab Pelajar telah dianjurkan di Kampus Gambang pada 19 Disember 2018 yang lalu. Lebih 900 pelajar antarabangsa daripada 30 buah negara yang sedang mengikuti pengajian di universiti ini hadir ke majlis tersebut.

Majlis diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan penjawatan lain.

Malam kebudayaan yang diraikan sejak tahun 2009 ini mampu menyatukan komuniti antarabangsa dari pelbagai negara. Terdapat pelbagai aktiviti yang unik, tarian, nyanyian dan juga kepelbagaian juadah masakan yang dihidangkan buat tetamu.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, dalam usaha bagi merapatkan jurang antara pelajar tempatan dan antarabangsa UMP telah memperkenalkan program kesukarelawan yang dikenali *International Office Buddies*.

“Program ini memberi ruang dan pengalaman kepada pelajar untuk terus konsisten bekerjasama mempromosikan pengantarabangsaan yang menjadi agenda utama UMP.

“Kepelbagaian budaya yang datang dari setiap negara mencorakkan lagi landskap kebudayaan dan sikap persefahaman dan toleransi yang tinggi dalam kalangan pelajar,” ujarnya.

Manakala Presiden Pelajar Antarabangsa, Mustaf Mohamad dari Somalia berkata, penganjuran program ini antarabangsa dan tempatan menonjolkan bakat dan budaya negara masing-masing selain meningkatkan sesebuah negara.

“Dalam masa yang sama memberi peluang pelajar mengeratkan hubungan dalam kalangan rakan senegajuadah dari negara masing-masing seperti *Mutton Masala*, *Punjabi Pulav*, *Bhojpuri Chicken*, *Libya Dess* banyak lagi,” katanya.

Turut hadir memeriahkan majlis Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dr Wa Antarabangsa, Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi.

Kursus bahasa Mandarin untuk industri di UMP tingkat b

Kursus Bahasa Mandarin untuk pekerja industri yang dianjurkan oleh Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (UMP) mampu meningkatkan kemahiran pekerja dalam kerjaya masing-masing.

Pada 21 Disember 2018 yang lalu telah berlangsungnya kursus yang ditawarkan buat staf Alliance Steel (Kuantan) Sdn Bhd yang terletak di Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP) membabitkan seramai 30 orang staf.

Pengarah Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan, Yong Ying Mei berkata, pembelajaran bahasa ketiga dalam bidang profesional amat diperlukan dalam pasaran pekerjaan sekarang.

“Kemahiran bahasa ketiga perlu ditingkatkan lagi walaupun mereka telah menguasai bahasa tepercaya untuk melaksanakan tugas dan berinteraksi.

“UMP sebagai universiti teknikal mempunyai tenaga pengajar yang berpengalaman dalam membantu pekerja meningkatkan kemahiran bahasa ketiga mereka.”

“Apatah lagi hasil kerjasama UMP dengan Confucius Institute Headquarters (Hanban) dalam penubuhan Institut Bahasa Mandarin bakal memanfaatkan mahasiswa dan masyarakat setempat terutamanya di negeri Pahang,” katanya.

Bagi Mohd Shahrill Riza Mohd Fadzilah yang merupakan Eksekutif Sumber Manusia dan Bahagian Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia, ditawarkan ini untuk meningkatkan kebolehan dalam operasi industri, pekerja-pekerja digalakkan mematuhi kursus bahasa Mandarin dalam bidang industri keluli besi.

Katanya, setiap ketua teknikal yang berasal dari negara China memimpin pasukan pekerja Malaysia dalam industri pembuatan keluli besi.

“Sebanyak 70 peratus pekerja di ASSB adalah warga Malaysia yang tidak memahami bahasa teknikal dalam bahasa Mandarin.”

“Untuk mengurangkan halangan bahasa, maka industri bekerjasama dengan UMP menawarkan kursus bahasa Mandarin kepada pekerja.”

Manakala bagi Eksekutif Pengurusan Busines, Dzuliskandar Abdul Wahab, 31 yang berasal dari Melaka, berkata, kursus bahasa Mandarin ini akan membantu pekerja memahami bahasa teknikal dalam bahasa Mandarin.

Industrial Mandarin yang dianjurkan antara industri dengan universiti.

“Walaupun saya pernah mempelajari bahasa Mandarin di sekolah rendah pada zaman kecil, tetapi ku menguasai kosa kata teknikal yang digunakan oleh staf berbangsa Cina ketika bekerja.” katanya.

Katanya, bahasa Mandarin sangat membantu terutama bekerja di syarikat majoriti berbangsa Cina berkomunikasi.

Bagi Norfazila Sukur, 23, yang bertugas berkaitan Statistik pula berkata, walaupun beliau pernah mendap rendah, tetapi bahasa teknikal dalam bahasa Mandarin tidak dapat dipelajari dari mana-mana institusi lain.

Pembelajaran bahasa Mandarin dalam bidang teknikal sangat membantu beliau mengenal pasti nama dalam bahas Mandarin, terutamanya merujuk buku Industrial Mandarin yang dibangunkan oleh UMP.

Begitu juga dengan Pengawai Tadbir di kilang pembuatan ASSB, Chong Zhen Yeap, 26, beliau senti kepada rakan sekerja yang berbangsa Melayu supaya membantu mereka memahami komunikasi dengan pembelajaran juga lebih seronok.

Dalam pada itu, kursus ini juga memanfaatkan buat dua orang pekerja berasal dari negara China yang ditawarkan oleh UMP.

Mereka adalah Dong Xu, 29, pekerja teknikal yang berasal dari China dan Pn Wu Change, 31, seorang pe

Menurut Dong Xu, tenaga pengajar dari UMP bukan sahaja mengajar bahasa Mandarin dalam bidang memperkenalkan budaya dan lain-lain.

Kini mereka juga mempelajari bahasa Melayu dengan rakan sekerja yang berwarganegara Malaysia untuk serta didedahkan dengan budaya kerja juga pengendalian mesyuarat secara lebih berkesan.

Rushdi Gaafar mahasiswa antarabangsa mahir berba

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT.

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), berbahasa Melayu terpilih mewakili universiti dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (P) 2018 yang lalu bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.

Lebih membanggakan, percubaan buat kali pertama mahasiswa yang berasal dari Yaman ini telah memp berbanding 27 orang peserta yang mengambil bahagian.

Menurut Rushdi Gaafar, beliau menyampaikan pidato bertajuk 'Mahasiswa Kelas Pertama Menjana k kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia.

“Saya menyertai pertandingan ini kerana sangat minat bercakap dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu dipelajari.

“Apabila saya fasih cakap bahasa Melayu, saya faham budaya di sini dan ianya sangat membantu saya se

Meskipun baharu empat tahun tinggal di Malaysia, Rushdi Gaafar berasa gembira kerana sudah mahir bert

Selain itu, mahasiswa ini juga sangat meminati makanan Melayu terutamanya Nasi Lemak dan Lontong.

Malahan, disebabkan minat yang mendalam terhadap bahasa Melayu, Rushdi Gaafar ingin mencuba berpula.

Beliau amat berterima kasih kepada para pensyarah, guru bahasa dan semua staf di UMP yang memba baik.

Pengalaman ini pastinya menjadi kenangan terindah sewaktu menamatkan pengajian kelak.

Nurul Atiqah bakal Jurutera hebat di pentas t

Tidak semua orang dilahirkan berbakat atau dikurniakan bakat. Malahan, jika tidak digilap atau dicungkil, diri sendiri.

Begitu juga buat Nurul Atiqah Mohd Aidi, atau dikenali sebagai Ika, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Perhubungan Masyarakat (KMP) Pahang (UMP) yang dahulunya seorang pemalu dan kurang menonjol kini tampil berani dan yakin di khalayak.

Bermula dengan menyertai pertandingan Drama English sewaktu di bangku sekolah dengan sekadar bakat baharu, Ika, 23, tidak menyangka berjaya dipilih mewakili sekolah ke peringkat daerah.

Sejak itu, beliau mencari peluang mempelajari teater dan tarian bersama guru yang aktif dalam barisan seni. Beliau berkecimpung dalam pertunjukan Kebangsaan Taman Jasmine 2, Kajang, Selangor, kemudian sering menonton persembahan teater di panggung. Setingginya, *Badai Semalam*, *Menggamit Kenangan 60-an*, *Natrah* dan lain- lain.

Beliau berkata, ketika di tingkatan 3, beliau pernah menyertai produksi teater bertajuk '*Forest*' yang terdiri daripada 10 orang pemain.

"Teater tersebut adalah sebuah persembahan untuk *Malaysia Books of Records*.

"Saya tidak menyangka minat ini dapat dikembangkan di UMP. Banyak kemudahan dan program yang membolehkan saya terlibat aktif dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian.

"Di UMP, saya merupakan ahli yang bergiat aktif dalam Kumpulan Teater Senandika, Sekretariat Kebudayaan dan Sukan (SKK) UMP. Beliau juga pernah menyertai pertandingan teater Taubat (2016) yang merupakan program untuk mencungkil bakat pelajar tahun satu seterusnya melalui pertandingan. Beliau juga pernah menyertai pertandingan bersama Waris *Theater Production*, SKK dalam teater *DORM 12*," ujar beliau.

Anak kelahiran Kuala Lumpur yang begitu meminati bidang pementasan teater ini pernah dianugerahkan Anugerah Sukan & Kebudayaan UMP dan mendapat Anugerah Persembahan Terbaik (*DORM12*) oleh Pusat Sukan & Kebudayaan.

Beliau pernah menyertai Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Peringkat Zon Pahang anjuran Jabatan Pendidikan Pahang peringkat keempat.

Pada tahun 2017, beliau telah mendapat peluang menyertai Festival Teater Pahang (FTP) dengan Khairunazwan arahan sahabatnya, Fendi Shah.

“Kami dinobatkan sebagai Juara dalam FTP dan telah mendapat kelayakan enam kumpulan teater terbaik Naib Juara dalam Festival Teater Malaysia (FTM) 2018.

“Penglibatan saya tiada terhenti di sini, saya masih bergiat aktif dalam beberapa pementasan dalaman UM Rumah Lama Kampung Baru, Penglipur dan lain-lain, “ ujarnya.

Ika berkata, beliau akan cuba membahagikan masa dengan sebaik mungkin. Sewaktu kelas, dia akan tumpu subjek dan akan mengulang kaji bersama rakan tentang subjek-subjek yang kurang mahir ataupun menyia

Selain itu, beliau juga mempraktikkan belajar selepas waktu latihan teater. Kebiasaannya waktu latihan dan malam. Ika akan mengambil masa dalam dua jam untuk belajar lepas dari waktu latihan.

Hasrat Ika, beliau ingin menjadi seorang jurutera dalam bidang mekanikal. Sementara itu, Ika berharap agar teater kerana teater akan membentuk jiwa kita menjadi manusia yang lebih berkualiti. Aktiviti teater harus seiring pembangunan dan gajet.

Beliau juga berharap agar pencinta-pencinta teater dapat berjuang dan meneruskan minat mereka dalam bidang yang serba boleh dan semoga Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian UMP terus maju dan semakin mampan. Senandika dan Waris di masa akan datang.

- 77 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

